



KENYATAAN MEDIA

PEMULIH: INISIATIF PERKESO PEMANGKIN KEPADA 180,000 PENEMPATAN PEKERJAAN BAHARU

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yakin dapat merealisasikan **180,000** penempatan pekerjaan baharu dan **mengekalkan 2.5 juta pekerja** dalam pekerjaan sehingga **31 Disember 2021** melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah **Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** yang dipertanggungjawabkan kepada agensi ini. Jumlah ini adalah tambahan kepada **180,449** penempatan pekerjaan yang telah berjaya dilaksanakan bermula **1 Januari sehingga 5 Julai 2021** menerusi **Portal MYFutureJobs** dan Program **Insentif Pengambilan Pekerja**.

Bagi memastikan sasaran penempatan pekerjaan ini dicapai, PERKESO akan terus memperkasakan usahanya dalam penganjuran program-program pewujudan dan penawaran pekerjaan di bawah inisiatif PEMULIH yang dijadualkan bermula seawal 15 Julai ini.

Insentif Sehingga RM36.000 Untuk Setiap Individu Yang Diambil Bekerja

Insentif Pengambilan Pekerja telah dilanjutkan melalui Program PenjanaKerjaya 3.0 dengan matlamat untuk terus menggalakkan pewujudan pekerjaan baharu, di mana majikan layak menerima **40 hingga 60 peratus subsidi daripada gaji yang diberi kepada pekerja untuk tempoh 6 bulan**.

Kos latihan sehingga RM7,000 juga disediakan untuk pekerja yang digajikan termasuk lepasan sekolah dan graduan baharu serta golongan rentan termasuk pekerja berusia, Orang Kurang Upaya (OKU), ibu tunggal dan bekas banduan.

Calon-calon yang diambil bekerja pula layak menerima **elaun mobiliti sehingga RM1,000 secara “one-off”** apabila mereka menghadiri program latihan termasuk kursus pensijilan profesional yang dipilih oleh majikan.

Program PenjanaKerjaya 3.0 turut melonggarkan syarat **tempoh kontrak daripada 12 bulan kepada enam (6) bulan bagi pencari kerja berumur lebih 50 tahun, OKU dan bekas banduan**.

Untuk menggalakkan majikan menggajikan lebih ramai warga tempatan bagi pekerjaan yang kebiasaannya diisi oleh warga asing, PenjanaKerjaya 3.0 juga **melonggarkan syarat gaji minimum di bawah Program Malaysianization daripada RM1,500 kepada RM1,200 sebulan.**

Perkhidmatan Pekerjaan Awam PERKESO Meningkatkan Akses Kepada Peluang Pekerjaan

Menerusi Perkhidmatan Pekerjaan Awam PERKESO, pelbagai program dan inisiatif telah dirangka bagi separuh kedua tahun ini dengan tujuan menyediakan lebih akses kepada para pencari kerja di kawasan bandar dan luar bandar. Antara program utama yang digagaskan termasuklah penubuhan **Pusat Satelit MYFutureJobs** di universiti-universiti serta di beberapa lokasi terpilih melalui kerjasama bersama kerajaan negeri, selain daripada di 54 Pejabat PERKESO di seluruh negara.

Selain itu, akses kepada MYFutureJobs diperluaskan lagi dengan usahasama **Pusat Internet Komuniti** di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan **Pusat Komuniti Desa** di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. PERKESO juga telah melatih hampir **200 pengurus Pusat Internet Komuniti serta Pusat Komuniti Desa** untuk membantu carian pekerjaan oleh para pencari kerja yang hadir ke pusat-pusat ini.

PERKESO turut meningkatkan bilangan temu duga terbuka bagi memastikan ianya memenuhi keperluan pelbagai kategori pencari kerja dengan tumpuan diberikan kepada temu duga secara maya sehingga temu duga fizikal dibenarkan. Untuk tahun ini, PERKESO telah menjalankan **lebih 1,168 program temu duga dalam talian**, manakala hampir **950 program temu duga lagi dijangka akan dilaksanakan secara dalam talian dan fizikal sehingga Disember 2021.**

Insentif KerjayaGig Untuk Pekerjaan Jangka Pendek Dalam Sektor Informal

Insentif ini disediakan dengan mengambil kira **peningkatan permintaan terhadap pekerja dalam sektor informal** termasuk platform gig, serta membolehkan **individu yang diberhentikan kerja, diarah bercuti tanpa gaji, dan golongan rentan termasuk OKU menjana sumber pendapatan** menerusi pekerjaan jangka pendek atau melalui platform gig demi kelangsungan hidup, sementara menunggu pekerjaan tetap atau jangka-panjang.

Memandangkan kadar pengangguran yang tinggi di kalangan belia, pakej PEMULIH juga telah memperluaskan insentif KerjayaGig kepada graduan menganggur. Di bawah skim ini, individu yang bekerja sendiri akan mendapat **RM600 sebulan selama 6 bulan jika mereka bekerja minimum 10 jam seminggu**, manakala **majikan** yang menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka pula akan menerima **RM200 secara "one off" bagi setiap pekerja.**

Elaun Mencari Pekerjaan (SIP Prihatin 2.0) Untuk Meningkatkan Peluang Mendapat Pekerjaan

Terdapat lebih 231,000 kekosongan kerja aktif di portal MYFutureJobs. Justeru, bagi menggalakkan pencari kerja dari kalangan bukan pencari **PERKESO** untuk mencari kerja dan menghadiri temu duga, elaun sebanyak **RM300 sebulan** disediakan apabila mereka **menghadiri tiga temu duga kerja sebulan** bagi tempoh dua bulan. Mereka juga akan menerima **insentif RM400 apabila diambil bekerja**. Insentif ini dijangka akan memberi manfaat kepada **229,000 pencari kerja**.

Kerjasama Agensi Swasta Dalam Melaksanakan Penempatan Pekerjaan

Bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan pekerjaan, Kerajaan menyediakan insentif untuk Agensi Pekerjaan Swasta yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja, sehingga **RM300 untuk setiap penempatan pekerjaan bagi individu yang kehilangan pekerjaan, graduan mahupun lepasan sekolah**. Insentif ini diharap akan menggalakkan penglibatan agensi swasta serta merencanakan lagi proses penempatan individu yang kehilangan pekerjaan ke dalam pasaran buruh.

Program Subsidi Upah 4.0

Bagi membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat pelaksanaan berterusan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PSU **dilanjutkan untuk tempoh empat bulan**. Untuk **dua bulan pertama bermula 1 Ogos 2021**, PSU 4.0 dibuka kepada **majikan dalam semua sektor ekonomi yang terjejas pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus berbanding sebelum PKP** manakala untuk **dua bulan seterusnya**, subsidi upah diberikan khusus untuk **sektor-sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif** yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Majikan boleh memohon **subsidi gaji RM600 sebulan untuk semua pekerja tempatan tanpa had gaji**, terhad kepada **500 orang pekerja bagi setiap perusahaan**. Di bawah PSU 4.0, **majikan juga disyarat untuk memasukkan maklumat subsidi dalam slip gaji pekerja**.

Permohonan bagi PSU 4.0 akan dibuka mulai **1 Ogos sehingga 31 Oktober 2021**, menerusi laman sesawang <https://prihatin.perkeso.gov.my>.

Dengan pelaksanaan PSU 4.0 ini, Program Subsidi Upah secara keseluruhannya telah membantu menyelamatkan majikan dan pekerja dari **April 2020** sehingga **Februari 2022** dengan jumlah **RM15.82 bilion** yang telah disalurkan.

Secara keseluruhannya, inisiatif PEMULIH yang dilaksanakan oleh PERKESO, yang **berteraskan prinsip keprihatinan terhadap rakyat**, merupakan **perangsang ekonomi yang sangat penting**, bukan sahaja dalam membantu majikan yang terjejas bagi kelangsungan perniagaan tetapi juga membantu mereka mengekalkan pekerja yang ada. Pada masa yang sama, ia turut membantu para pencari kerja termasuk graduan dan lepasan sekolah memperoleh mata pencarian.

PERKESO juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada **YAB Perdana Menteri** yang sering mengingatkan kami untuk sentiasa membangunkan program dan inisiatif yang dapat membantu meringankan beban rakyat dalam mendepani pandemik ini serta melaksanakan segala apa yang dirancangkan dengan pantas dan efisien.

PERKESO ingin mengingatkan semua majikan dan pencari kerja supaya **berurusan terus dengan PERKESO dan menggunakan laman sesawang rasmi** untuk mengemukakan semua permohonan, dan bukan menerusi medium lain seperti media sosial. PERKESO juga **tidak melantik mana-mana agen bagi melaksanakan sebarang inisiatif kami**.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Careline PERKESO di **1300 22 8000** atau **03 8091 5300**. Maklumat lanjut berhubung inisiatif di atas boleh didapati melalui **Soalan-Soalan Lazim (FAQ)** yang akan dimuat naik ke laman web rasmi PERKESO **tidak lama lagi**.

DATO' SRI. DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
KETUA EKSEKUTIF
6 JULAI 2021